

03 OKTOBER 2017

Tak sempat edar ganja

SINAR HARIAN • SELASA 3 OKTOBER 2017

HUBUNGI KUALA SENTRAL MOHD FAHMI ISMAIL - 019-3310021, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019 - 6680261

SENTRAL 37

Tak sempat edar ganja

Tiga pelajar kolej warga Nigeria ditahan, polis rampas dadah seberat 16.48 kilogram

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR - Tidak sempat edar dadah kerana 'digejar' polis.

Itu nasib sindiket dadah selepas kegiatan mereka dihidu sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras dalam operasi khas di sebuah kondominium di Taman Connaught, Cheras, di sini, Khamis lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Adnan Azizon berkata, serbuan kira-kira jam 2.30 petang itu dijalankan hasil maklumat dan risikan.

Menurutnya, hasil serbuan, tiga pelajar kolej warga Nigeria berusia 29 hingga 30 tahun berjaya ditahan dengan rampasan satu gumpalan aluminium mengandungi dadah disyaki ganja seberat 0.56 gram.

"Soal siasat suspek lelaki terbabit kemudian membawa penemuan sebuah kereta jenis Kia Sephia di kondominium berkenaan.

"Pemeriksaan menjumpai dua beg besar di but kereta. Beg pertama terdapat 10 ketulan mampat disyaki ganja dan satu bungkus plastik lut sinar disyaki *methamphetamine*, manakala beg kedua berisi tujuh ketulan mampat juga disyaki ganja," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, dianggarkan nilai rampasan dadah seberat 16.48 kilogram itu RM43,800.

INFO

- Sindiket aktif sejak tiga bulan lalu
- Dadah dipercayai tunggu masa untuk diedar di sekitar Lembah Klang

Mengulas tentang modus operandi sindiket yang aktif sejak tiga bulan itu, Adnan berkata, dipercayai dadah ini diperolehi dari sindiket lain sebelum diedar di sekitar Lembah Klang. Polis juga tidak menolak kemungkinan dadah ini diedar kepada pelajar kolej.

Katanya, berdasarkan rampasan yang dibuat, dipercayai dadah terbabit hanya menunggu masa untuk diedarkan. Malah, semakan

mendapati tiga suspek ini telah masuk ke Malaysia sejak 2013.

"Kini mereka direman enam hari sehingga Rabu ini bagi membantu siasatan. Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Mengikut statistik tangkapan dadah di Kuala Lumpur pada 2016, 23 warga Nigeria dicekup dan tahun ini pula sehingga September, melibatkan 19 orang.



Adnan (tengah) menunjukkan rampasan dadah disyaki ganja yang dirampas